

13/12/1999

## Keputusan bina lebuh raya selepas Aidilfitri

KUALA LUMPUR, Ahad - Kabinet akan membuat keputusan selepas Hari Raya Puasa ini berhubung pelaksanaan projek Lebuh Raya Pantai Timur sepanjang 169 kilometer di Terengganu berikutan pendirian kerajaan baru Pas berhubung isu tol.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu berkata, beliau akan mengemukakan kertas kerja berhubung pembinaan laluan dari Jabur ke Chendering itu untuk dibincang dan diputuskan jemaah Menteri.

Katanya, kerajaan perlu mengetahui pendirian sebenar kerajaan Terengganu sebelum melaksanakan projek yang membabitkan peruntukan beribu-ribu juta ringgit itu.

"Jika kita laksanakan projek itu dan kerajaan Terengganu tidak benarkan kutipan tol oleh syarikat konsesi atau Kerajaan Pusat, kita akan menghadapi banyak masalah. Oleh itu, lebih baik kita bincang dulu.

"Saya akan minta kementerian menyiapkan kertas kerja untuk dibincangkan jemaah Menteri selepas Ramadan ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kesusasteraan Silappadhikaaram di sini hari ini.

Projek Lebuh Raya Pantai Timur bernilai RM3 bilion itu, membabitkan pembinaan laluan dua lorong sejauh 338 kilometer bermula dari Karak ke Kuantan di Pahang dan melalui Jabur sebelum berakhir di Chendering, Terengganu.

Bagaimanapun, kedudukan projek itu di Terengganu masih samar berikutan keputusan kerajaan Pas Terengganu menghapuskan pungutan tol di Jabatan Sultan Mahmud sebaik saja memerintah negeri itu sejajar dengan janjinya dalam manifesto pilihan raya parti itu pada pilihan raya umum lalu.

Samy Vellu berkata, sehingga kini kerajaan hanya meluluskan pembiayaan bagi pembinaan laluan membabitkan dua pakej, iaitu dari Karak ke Lancang dan dari Lancang ke Temerloh dengan kontrak pembinaan diberikan kepada MTD Berhad.

Malah, katanya, kerajaan Pahang meminta kerajaan Pusat melaksanakan pembinaan lebuh raya itu sehingga ke Kuantan secepat mungkin dan sudah menyelesaikan soal pengambilan balik tanah.

Katanya, upacara pecah tanah bagi pembinaan laluan dari Jabur ke Chendering ke Kuala Terengganu juga sudah dilakukan bulan lalu tetapi beliau tidak pasti keputusan terbaru kerajaan Pusat dan negeri berhubung laluan itu.

"Kita mesti bincang dengan mendalam sebelum melaksanakan kerja pembinaan lebuh raya di Terengganu itu," katanya.

Ditanya apakah beliau akan berunding dengan kerajaan Terengganu, Samy Vellu berkata, itu terpulang kepada keputusan dan arahan jemaah Menteri.

"Saya perlu dapatkan pandangan jemaah Menteri, jika mereka arah kita bincang dengan kerajaan Terengganu, baru kita boleh mulakan perbincangan. Tanpa arahan kita tidak boleh buat apa-apa sekarang," katanya.

Mengenai kejadian tanah runtuh di Lebuh Raya Timur-Barat, Samy Vellu berkata, kira-kira tujuh cerun lagi di laluan itu perlu diperbaiki segera dan MTD sebelum ini sudah memperbaiki 20 cerun.

Katanya, beliau akan berbincang dengan MTD dan berharap akan diberi peruntukan segera bagi membolehkan kerja pembaikan cerun terbabit dilakukan secepat mungkin.

"Jika Kementerian Kewangan cepat beri peruntukan, kita boleh mulakan kerja itu lebih awal," katanya.

Mengenai keputusan mesyuarat Majlis Tertinggi Parti Progresif Rakyat

Malaysia (PPP) untuk menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhubung jawatan dalam kerajaan, Samy Vellu berkata, itu hak parti berkenaan.

"Saya tidak mahu buat apa-apa komen mengenai parti dalam Barisan Nasional, itu hak mereka saya tidak boleh buat apa-apa komen," katanya.  
(END)